

**Azizah Belum Putus Tanding Jawatan Ketua Umno Beaufort
Bernama
28 Julai, 2013**

BEAUFORT, 28 Julai (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun berkata beliau belum membuat keputusan untuk bertanding bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Bahagian kawasan berkenaan.

Azizah berkata beliau akan membuat keputusan berdasarkan keadaan semasa.

"Cara pemilihan parti sudah berbeza, tidak perlu ada pencalonan. Hanya mendaftar atau menawarkan diri. Masing-masing mempunyai hak untuk bertanding," katanya kepada pemberita pada perasmian persidangan pemilihan tahunan cawangan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Beaufort di sini.

Jawatan Ketua Umno Bahagian Beaufort sebelum ini disandang Datuk Seri Lajim Ukin, yang kini menganggotai Parti Keadilan Rakyat.

Azizah berkata apa yang utama ialah kepentingan parti, khususnya di Parlimen Beaufort, dan sebagai jentera parti, Wanita perlu bekerja lebih kuat bagi memantapkan Umno di semua peringkat sebagai persiapan berdepan pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga berkata Pergerakan Wanita Umno di Beaufort yang diterajuinya selama 17 tahun, kini mampu bergerak seiring sayap parti lain.

"Mereka banyak membantu kejayaan parti dan merupakan jentera yang paling ke hadapan dalam Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966629>